Register your product and get support at

www.philips.com/welcome

HTS5120



EN User manual

MS-MY Manual pengguna

ZH-TW 使用手冊

ZH-CN 用户手册

PHILIPS

Daftar kandungan

1 Notis

Hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S dan hak harta intelek lain yang dimiliki oleh Rovi Corporation. Kejuruteraan terbalik atau membuka pemasangan adalah dilarang.

Mengenai Imbas Progresif

Pengguna harus mengambil perhatian bahawa tidak semua set televisyen definisi tinggi serasi sepenuhnya dengan produk ini dan boleh menyebabkan artifak dipaparkan dalam gambar. Bagi masalah gambar imbas progresif 525 atau 625, adalah disyorkan bahawa pengguna mengalihkan sambungan ke output 'definisi standard'. Sekiranya terdapat soalan berkenaan dengan keserasian set TV kami dengan pemain DVD model 525p dan 625p, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan kami.

Tanda dagangan





DivX® and DivX Ultra® adalah tanda dagangan berdaftar DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.

Diperakui DivX Ultra® untuk memainkan video DivX® dengan ciri lanjutan dan kandungan premium.

MENGENAI VIDEO DIVX: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti Diakui DivX rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti Diperakui DivX ® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan kandungan Video Atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk menjana kod pendaftaran, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com dengan kod ini untuk melengkapkan proses pendaftaran dan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai VOD DivX.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby, Pro Logic dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.



HDMI, dan logo HDMI dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar HDMI licensing LLC.




Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, Inc.



Windows Media dan logo Windows adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

dts™ Digital Surround

Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. # Paten: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,487,535; & lain-lain paten A.S. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS dan Simbol adalah tanda niaga berdaftar & DTS Digital Surround dan logo DTS logos adalah tanda niaga DTS, Inc. Produk termasuk perisian. © DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.



2 Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda gunakan teater rumah anda. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalur kuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Sebelum anda menyambungkan produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bahagian bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan teater rumah!

- Bagi produk yang boleh dilekapkan pada dinding, gunakan hanya pendakap lekapan dinding yang dibekalkan sahaja. Kukuhkan lekapan dinding pada dinding yang boleh menyokong gabungan berat produk dan lekapan dinding. Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap pemasangan dinding yang tidak wajar, kecederaan atau kerosakan.
- Bagi pembesar suara dengan dirian, gunakan hanya dirian yang dibekalkan. Pasangkan dirian pada pembesar suara dengan ketat. Letakkan dirian yang dipasangkan pada permukaan mendatar dan sama rata yang boleh menyokong berat gabungan pembesar suara dan dirian.
- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.
- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk tersebut.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah kebabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

Penjagaan Produk

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

Pembuangan produk dan bateri lama



Produk anda direka bentuk dan dkilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.



Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC. Sila maklumkan diri anda mengenai sistem kutipan berasingan setempat untuk produk elektrik dan eletronik.

Sila bertindak menurut peraturan setempat anda dan jangan buang produk lama anda dengan sisa rumah anda yang biasa.

Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah potensi akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.




Produk anda mengandungi bateri yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah yang biasa.

Sila maklumkan diri anda sendiri mengenai peraturan setempat mengenai pengumpulan berasingan bateri kerana pelupusan yang betul membantu mencegah akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

3 Teater rumah anda


Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat manfaat penuh daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan teater rumah anda di www.philips.com/welcome.

Unit utama



1. **Kompartmen cakera**
2. **▲ (Buka/Tutup)**
   Membuka atau menutup kompartmen cakera.
3. **▶II (Main/Jeda)**
   Memulakan, menjeda atau meneruskan permainan cakera.
4. **SOURCE**
   Memilih sumber audio/video bagi teater rumah.
5. **⏻ (Bersedia-Hidup)**
   Menghidupkan teater rumah atau mengalihkannya kepada siap sedia.
6. **◿ +/- (Kelantangan)**
   Meningkatkan atau menggurangkan kelantangan.
7. **Panel paparan**

Kawalan jauh



1. **⏻ (Bersedia-Hidup)**
   - Menghidupkan teater rumah atau mengalihkannya kepada siap sedia.
   - Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti bersambung yang akur HDMI CEC kepada siap sedia.
2. **▲ OPEN/CLOSE**
   Membuka atau menutup kompartmen cakera.

③ **Sumber Audio**
- **DISC**: Beralih kepada sumber cakera.
- **USB**: Beralih kepada peranti storan USB.
- **RADIO**: Beralih kepada radio FM.
- **AUDIO SOURCE**: Memilih sumber input audio.
- **DOCK for iPod**: Mengalih kepada Dok Philips untuk iPod/iPhone.

④ **SETUP**
Mengakses atau keluar dari menu persediaan.

⑤ **▲▼◀▶ (Butang navigasi)**
- Navigasi menu.
- Dalam mod video, tekan kiri atau kanan untuk undur laju atau mara laju.
- Dalam mod radio, tekan kiri atau kanan untuk mencari stesen radio; tekan atas atau bawah untuk menala haluskan frekuensi radio.

⑥ **◀◀ (Pantas ke Belakang) ▶▶ (Pantas ke Hadapan)**
Mara undur atau mara laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.

⑦ **INFO**
Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.

⑧ **▶II (Main/Jeda)**
Memulakan, menjeda atau meneruskan permainan cakera.

⑨ **■ (Henti)**
- Menghentikan permainan cakera.
- Dalam mod radio, memadam stesen radio praset semasa.

⑩ **TREBLE / BASS**
Menukar trebel atau bes. Gunakan dengan **+/-**.

⑪ **Butang angka**
Memilih item untuk dimainkan.

⑫ **AUDIO SYNC**
- Memilih bahasa atau saluran audio.
- Tekan dan tahan untuk menyegerak audio dengan video. Gunakan dengan **+/-**.

⑬ **SOUND MODE**
Memilih kesan bunyi pratentu.

⑭ **REPEAT / PROGRAM**
- Memilih mod ulangan atau susun semula.
- Dalam mod radio, programkan stesen radio.

⑮ **ZOOM**
Zum kepada adegan video atau gambar.

⑯ **HDMI / ANGLE**
- Memilih resolusi video bagi output HDMI daripada teater rumah.
- Memaparkan pilihan bagi sudut kamera yang berbeza.

⑰ **SUBTITLE**
Memilih bahasa sari kata untuk video.

⑱ **SURROUND**
Memilih bunyi keliling Pembesar Suara Maya Dolby.

⑲ **◿ +/-**
Meningkatkan atau menggurangkan kelantangan.

⑳ **🔇 (Senyap)**
Membisu atau mengembalikan bunyi.

㉑ **⏮ / ⏭ (Sebelumnya/Seterusnya)**
Melangkau ke trek, bab atau fail sebelum atau seterusnya.

㉒ **⮌ BACK**
Kembali ke skrin menu sebelumnya.

㉓ **OK**
Mengesahkan entri atau pilihan.

4 Sambungkan teater rumah anda


Bahagian ini membantu anda menyambungkan teater rumah anda kepada TV dan peranti lain. Sambungan asas teater rumah bersama aksesorinya adalah disediakan dalam panduan Bermula Pantas. Untuk panduan interaktif komprehensif, lihat www.connectivityguide.philips.com.

Catatan

- Rujuk pada plat jenis pada bahagian belakang produk untuk pengenalpastian dan perkadaran pembekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.


Penyambung

Penyambung sisi



1. (USB)
   Input audio, video atau gambar daripada peranti storan USB.
2. MP3 LINK
   Input audio daripada pemain MP3.
3. DOCK for iPod
   Menyambung ke Dok Philips untuk iPod/iPhone. (Model: PHILIPS DCK3060, dijual berasingan)

Penyambung belakang




1. DC IN
   Menyambung kepada penyesuai AC-DC. (Model: PHILIPS G721DA-270250)
2. FM ANTENNA FM 75 Ω
   Menyambungkan antena FM untuk penerimaan radio.
3. AUX IN
   Menyambung kepada output audio analog pada TV atau peranti analog.
4. VIDEO OUT
   Menyambung kepada input video komposit pada TV.
5. COMPONENT VIDEO OUT
   Menyambung kepada input video komponen pada TV.
6. HDMI OUT
   Menyambung kepada input HDMI pada TV.
7. COAXIAL IN
   Menyambung kepada output audio sepaksi pada TV atau peranti digital.
8. OPTICAL IN
   Menyambung kepada output audio optik pada TV atau peranti digital.

Sambung ke TV

Sambung teater rumah anda secara terus kepada TV melalui salah satu penyambung berikut (dari kualiti video paling tinggi hingga ke kualiti asas):

1. HDMI
2. Video Komponen
3. Video komposit

Pilihan 1: Sambungkan ke TV melalui HDMI




Catatan

- Jika HDTV itu mempunyai penyambung DVI, sambung menggunakan penyesuai HDMI/DVI.
- Jika TV itu menyokong EasyLink HDMI CEC, kawal teater rumah dan TV dengan alat kawalan jauh yang sama (lihat 'Gunakan Pautan Mudah Philips' di halaman 14).

Pilihan 2: Sambungkan ke TV melalui YPbPr (video komponen)

Catatan


- Kabel atau penyambung video komponen mungkin dilabel **Y Cb Cr** atau **YUV**.



Pilihan 3: Sambungkan ke TV melalui video komposit (CVBS)

Catatan

- Kabel atau penyambung video komposit mungkin dilabel **AV IN**, **VIDEO IN**, **COMPOSITE** atau **BASEBAND**.



Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain

Gunakan teater rumah anda untuk memainkan audio daripada TV atau peranti lain seperti kotak kabel. Pilih daripada penyambung berikut.

Petua


- Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih output audio bagi sambungan anda.

Pilihan 1: Sambungkan audio melalui kabel sepaksi digital

Catatan

- Kabel atau penyambung sepaksi digital mungkin dilabel **COAXIAL DIGITAL OUT** atau **SPDIF OUT**.

(Kabel tidak dibekalkan)




Pilihan 2: Sambungkan audio melalui kabel optik digital

Catatan


- Kabel atau penyambung optik digital mungkin berlabel **SPDIF OUT** atau **OPTICAL OUT**.

(Kabel tidak dibekalkan)



Pilihan 3: Sambungkan audio melalui kabel audio analog


(Kabel tidak dibekalkan)




Pilihan 4: Sambungkan audio melalui kabel HDMI

Catatan

- Penyambung **HDMI** pada TV mungkin berlabel **HDMI 1** atau **HDMI ARC.** Ciri ini dapat berfungsi dengan peranti serasi Saluran Kembali Audio (ARC) sahaja.



Sambungkan ke Dok Philips untuk iPod/iPhone



Catatan

- Dok iPod Philips dijual berasingan.
- Anda boleh menggunakan Dok iPod untuk mengecas iPod ketika teater rumah dalam mod iPod.

5 Gunakan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda dalam menggunakan teater rumah untuk memainkan media daripada berbagai-bagai sumber.

Sebelum anda bermula


Periksa sama ada anda:
- Membuat sambungan yang diperlukan dan melengkapkan persediaan seperti yang diperihalkan dalam panduan Bermula Pantas.
- Menukar TV kepada sumber yang betul untuk teater rumah ini.

Pilih bunyi anda

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.

Tukar trebel atau bes


Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel) atau frekuensi rendah (bes) teater rumah untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.



1 Tekan **TREBLE** atau **BASS**.
2 Tekan ⊿ **+/-** dalam masa lima saat untuk menaikkan atau menurunkan trebel atau bes.

Tukar mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.




Tekan **SOUND MODE** berulang kali untuk mengitar melalui mod bunyi yang tersedia.

Mod bunyi	Perihalan
ACTION / ROCK	Julat rendah dan tinggi dipertingkatkan. Sempurna untuk filem aksi dan muzik rock atau pop.
DRAMA / JAZZ	Julat sederhana dan tinggi yang jelas. Sempurna untuk filem drama dan muzik jazz.
CONCERT / CLASSIC	Bunyi neutral. Sempurna untuk konsert secara langsung dan muzik klasik.
SPORTS	Kesan julat pertengahan yang sederhana dan surround untuk vokal yang jelas serta suasana venue sukan secara langsung.
NIGHT	Mod bunyi yang dikawal secara dinamik sesuai untuk menonton filem pada waktu malam atau bagi muzik latar yang tidak mengganggu.

Tukar mod keliling

Teknologi DVS (Pembesar Suara Maya Dolby) mewujudkan pengalaman pendengaran 5.1 saluran yang begitu mengagumkan daripada sekurang-kurangnya hanya dua pembesar suara.



Semasa dimainkan, tekan **SURROUND** untuk menghidup atau mematikan kesan bunyi keliling.

Mainkan cakera

Teater rumah boleh memainkan cakera yang berbagai-bagai, termasuk video, audio dan media campuran (contohnya, CD-R yang mengandungi gambar JPEG dan muzik MP3).

1. Masukkan cakera ke dalam teater rumah.
2. Tekan **DISC**.
   ↳ Cakera dimainkan atau menu utama cakera muncul.
3. Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Navigasi menu.
OK	Mengesahkan entri atau pilihan.
▶❚❚	Memulakan, menjeda atau meneruskan permainan cakera.
■	Menghentikan mainan.
❙◀ / ▶❙	Melangkau ke trek, bab atau fail sebelum atau seterusnya.
◀◀ / ▶▶	Mara undur atau mara laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.Dalam mod jeda, melangkah ke belakang (DVD sahaja) atau ke hadapan sebanyak satu bingkai.
ZOOM	Zum kepada adegan video atau gambar.

Gunakan pilihan video

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat video.
Pilihan video yang tersedia bergantung kepada sumber video.

Butang	Tindakan
▲ / ▼	Mencari secara undur perlahan atau maju perlahan. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. Untuk VCD/SVCD, carian putar semula perlahan boleh dilakukan.
AUDIO SYNC	Memilih bahasa atau saluran audio.
SUBTITLE	Memilih bahasa sari kata untuk video.
ⓘ **INFO**	Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
REPEAT	Mengulangi bab atau tajuk.
ANGLE	Memaparkan pilihan bagi sudut kamera yang berbeza.

Gunakan pilihan gambar

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat gambar.

Butang	Tindakan
▲ / ▼	Memutar gambar melawan atau mengikut arah jam.
◀ / ▶	Melangkau ke gambar sebelum atau seterusnya.
REPEAT	Mengulangi fail tunggal dalam folder atau mengulangi keseluruhan folder. Shuffle fail dalam folder.
ⓘ **INFO**	Memaparkan album foto dalam gambaran kecil keseluruhan.

Gunakan pilihan audio

Akses beberapa ciri berguna semasa audio dimainkan.

Butang	Tindakan
REPEAT	Mengulangi trek, keseluruhan cakera atau menyusun semula trek.

Main daripada peranti storan USB

Teater rumah ini dilengkapi penyambung USB yang membolehkan anda melihat gambar, mendengar muzik atau menonton filem yang disimpan pada peranti storan USB.

1. Sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
2. Tekan **USB**.
   ↳ Penyemak imbas kandungan akan muncul.
3. Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
4. Gunakan butang main balik untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan cakera' di halaman 11).

Catatan

- Jika peranti storan USB tidak muat dalam penyambung, gunakan kabel sambungan USB.
- Teater rumah tidak menyokong kamera digital yang memerlukan program komputer untuk memaparkan foto.
- Peranti storan USB mesti terformat FAT atau DOS, dan mematuhi Kelas Penyimpanan Massa.

Lebih banyak ciri main bagi cakera atau USB

Beberapa ciri lanjutan tersedia untuk main balik video atau gambar daripada cakera atau peranti storan USB.

Main pertunjukan slaid muzik

Main muzik dan gambar secara serentak untuk membuat pertunjukan slaid muzik. Fail perlu disimpan pada cakera atau peranti storan USB yang sama.

1. Pilih trek muzik, kemudian tekan **OK**.
2. Tekan ⮌ **BACK** dan pergi ke folder gambar.
3. Pilih gambar, kemudian tekan **OK** untuk memulakan pertunjukan slaid.
4. Tekan ■ untuk menghentikan pertunjukan slaid.
5. Tekan ■ sekali lagi untuk menghentikan muzik.

Menyegerak audio dengan video

Jika audio dan video tidak segerak, anda boleh menunda audio untuk sepadan dengan video.

1. Tekan dan tahan **AUDIO SYNC** sehingga mesej segerak audio muncul pada panel paparan.
2. Tekan **+/-** dalam masa lima saat untuk menyegerakkan audio dengan video anda.

Langkau pantas mainan ke masa tertentu

Langkau pantas ke bahagian tertentu video dengan memasukkan waktu adegan.

1. Semasa mainan video, tekan ⓘ **INFO**.
2. Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih:
   - **[Masa Tt]** : Waktu tajuk.
   - **[Masa Ch]** : Waktu bab.
   - **[Masa Cakera]** : Waktu cakera.
   - **[Masa Trek]** : Waktu trek.
3. Masukkan waktu adegan, dan kemudian tekan **OK**.

Ulang main bahagian tertentu

Pilih bahagian tertentu audio atau video bagi main balik ulangan.

1. Semasa main balik, tekan ⓘ **INFO.**
2. Pilih **[Ulang]** > **[Ulang ab]** dalam menu.
3. Tekan **OK** untuk menetapkan titik mula.
4. Tekan **OK** sekali lagi untuk menetapkan titik akhir.
   ↳ Mainan ulangan bermula.
   - Untuk membatalkan ulangan A-B, tekanⓘ **INFO** , pilih **[Ulang]** > **[Dimatikan]**, kemudian tekan **OK**.

Catatan

- Main ulang hanya boleh dilakukan dalam lingkungan satu trek/bab.

Mainkan dari radio

1 Periksa bahawa antena FM telah disambungkan.
2 Tekan **RADIO**.
   ↳ "**AUTO INSTALL...PRESS PLAY**' muncul pada panel paparan jika anda belum lagi memasang sebarang stesen radio. Tekan ▶❚❚.
3 Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
⏮ / ⏭	Pilih saluran radio pratetap.
◀◀ / ▶▶	Mencari stesen radio.
▲▼	Menala haluskan frekuensi radio.
■	Tekan dan tahan untuk memadam stesen radio pratetap.
PROGRAM	Manual: Tekan sekali untuk mengakses mod atur cara, tekan ⏮ / ⏭ untuk menguntukkan nombor kepada stesen radio, kemudian tekan sekali lagi untuk menyimpan stesen radio. Automatik: Tekan dan tahan selama tiga saat untuk memasang semula stesen radio.

Catatan

- Teater rumah boleh menyimpan sehingga 40 stesen radio.
- Tekan ■ untuk menghentikan pemasangan.
- Radio AM dan digital tidak disokong.
- Jika tiada isyarat radio yang dikesan, atau jika kurang daripada lima stesen dijumpai, anda akan digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi.
- Untuk penerimaan terbaik, letakkan antena jauh daripada TV atau sumber sinaran lain.

Tukar grid talaan

Di sesetengah negara, anda boleh menukar grid talaan FM antara 50 kHz dan 100 kHz. Menukarkan grid talaan akan memadamkan semua stesen radio pratetap.

1 Tekan **RADIO**.
2 Tekan ■.
3 Tekan dan tahan ▶❚❚ sehingga 'GRID 9' (50 kHz) atau 'GRID 10' (100 kHz) dipaparkan.

Mainkan audio daripada TV atau peranti lain

Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih output audio bagi peranti yang tersambung (lihat 'Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain' di halaman 8).

Mainkan daripada pemain MP3

Sambungkan dan mainkan fail audio daripada pemain MP3 atau peranti audio luaran lain.

1 Sambungkan pemain MP3 ke teater rumah
2 Tekan **MP3 LINK**.
   ↳ '**MP3 LINK**' muncul pada panel paparan
3 PGunakan butang pada pemain MP3 anda untuk memilih dan memainkan fail audio.

Mainkan daripada iPod atau iPhone

Dengan menyambungkan dan memasang Dok Philips untuk iPod/iPhone, anda boleh menggunakan teater rumah untuk memainkan muzik, video dan gambar daripada iPod atau iPhone anda.



Catatan

- Dok Philips untuk iPod/iPhone dijual berasingan.
- Anda boleh mengecas iPod/iPhone anda pada dok semasa teater rumah dalam mod iPod.

Letakkan iPod atau iPhone anda pada doknya

1 Sambungkan dok kepada teater rumah dan sambungkan kabel komposit kuning daripada dok kepada TV. Untuk maklumat lanjut, lihat Panduan Permulaan Ringkas yang disediakan bersama dok.
2 Hidupkan iPod atau iPhone dan letakkan di dalam dok.

Dengar muzik

1. Letakkan iPod atau iPhone (lihat 'Letakkan iPod atau iPhone anda pada doknya' di halaman 13) anda pada doknya.
2. Tekan **DOCK for iPod** pada alat kawalan jauh teater rumah.
3. Semak imbas pada skrin iPod atau iPhone untuk memilih trek.
4. Tekan **OK** untuk memainkan trek.

Tonton video atau lihat tayangan slaid

Catatan

- Pada iPod, dayakan tetapan TV ON.
- Pada iPhone, pilih pilihan TV Out.

1. Letakkan iPod atau iPhone (lihat 'Letakkan iPod atau iPhone anda pada doknya' di halaman 13) anda pada doknya.
2. Tekan **DOCK for iPod** pada alat kawalan jauh teater rumah.
3. Alihkan TV kepada sumber **AV/VIDEO** (yang berpadanan dengan kabel komposit kuning).
   ↪ Skrin TV menjadi kosong.
4. Semak imbas pada skrin iPod atau iPhone untuk memilih video atau foto.
5. Tekan **OK** pada alat kawalan jauh teater rumah atau **PLAY** pada iPod/iPhone untuk memainkan video atau foto.
   ↪ Gambar dipaparkan pada TV.

Gunakan Pautan Mudah Philips

Teater rumah anda menyokong Philips EasyLink, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Peranti yang akur EasyLink yang bersambung melalui penyambung HDMI boleh dikawal dengan satu kawalan jauh.

Catatan

- Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

1. Hidupkan operasi HDMI CEC pada TV dan lain-lain peranti yang bersambung. Lihat manual pengguna TV atau lain-lain peranti untuk mendapatkan butiran.
2. Tekan **SETUP**.
3. Pilih **[Tetapan Umum]**, kemudian tekan **OK**.
4. Pilih **[Persediaan EasyLink]**, kemudian tekan **OK**.
5. Pilih dan laraskan tetapan berikut:
   - **[EasyLink]** : Mendaya atau menyahdaya EasyLink.
   - **[Mainan Satu Sentuhan]** : Mendaya atau menyahdaya Mainan Satu Sentuhan.

     Jika didayakan, anda boleh menggunakan alat kawalan jauh untuk memulakan mainan cakera pada teater rumah dan TV beralih secara automatik kepada saluran yang betul.
   - **[Bersedia Satu Sentuh]** : Mendaya atau menyahdaya Siap Sedia Satu Sentuhan.

     Jika didayakan, teater rumah boleh dipadamkan menjadi siap sedia menggunakan alat kawalan jauh daripada TV atau peranti HDMI CEC lain yang bersambung.
   - **[Kawalan Audio Sistem]** :Mendaya atau menyahdaya Kawalan audio sistem.

     Jika didayakan, ikuti arahan pada TV untuk memetakan dengan betul peranti yang bersambung kepada penyambung audio teater rumah. Teater rumah beralih secara automatik kepada sumber audio peranti yang bersambung.
   - **[P'metaan Inpt Aud]** : Mengemas kini pemetaan input audio jika terdapat peranti yang baru disambung.
6. Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Catatan

- Peranti yang bersambung mesti disambungkan melalui HDMI dan telahpun dihidupkan.

6 Tukar tetapan

Bahagian ini membantu anda mengubah tetapan teater rumah anda.

Awas

- Kebanyakan tetapan telah dikonfigurasi dengan nilai terbaik untuk teater rumah. Melainkan anda mempunyai sebab tertentu untuk mengubah tetapan, lebih baik ia dibiarkan pada nilai lalai.

Akses menu persediaan

1 Tekan SETUP.
↪ Menu berikut muncul.

Simbol	Perihalan
⚙	[Tetapan Umum]
🔈	[Tetapan Audio]
▢	[Tetapan Video]
☑	[Tetapan Pilihan]

2 Pilih menu persediaan, kemudian tekan **OK**. Lihat bahagian berikut untuk maklumat mengenai cara untuk mengubah tetapan teater rumah anda.

3 Tekan **BACK** untuk kembali ke menu sebelumnya atau tekan **SETUP** untuk keluar.

Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang telah dikelabukan.

Tukar tetapan am

1 Tekan SETUP.

2 Pilih **[Tetapan Umum]**, kemudian tekan **OK**.

3 Pilih dan laraskan tetapan berikut:

- **[Persediaan EasyLink]** : Menyediakan EasyLink untuk menikmati kawalan mudah terhadap semua peranti yang akur HDMI CEC menggunakan kawalan (lihat 'Gunakan Pautan Mudah Philips' di halaman 14) jauh yang sama.
- **[Kunci Cakera]** : Mengehadkan main ke cakera. Kata laluan (kod PIN) diperlukan untuk membuka kunci cakera sebelum dimainkan.
- **[Kelam Paparan]** : Mengubah kecerahan panel paparan.
- **[Bahasa Osd]** : Memilih bahasa bagi menu paparan pada skrin.
- **[Penjimat Skrin]** : Mendaya atau menyahdaya mod penyelamat skrin. Jika didayakan, skrin memasuki mod melahu selepas 10 minit tanpa aktiviti (contohnya, dalam mod jeda atau henti).
- **[Pemasa Tidur]** : Menetapkan pemasa tidur untuk menukar teater rumah kepada siap sedia selepas tempoh tertentu.
- **[DivX® VOD Code]** : Memaparkan kod pendaftaran DivX VOD untuk teater rumah ini.

4 Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Catatan

- Sebelum membeli video DivX dan memainkannya pada teater rumah, daftarkan teater rumah anda di www.divx.com menggunakan kod DivX VOD.

Tukar tetapan audio

1. Tekan SETUP.
2. Pilih **[Tetapan Audio]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih dan laraskan tetapan berikut:
   [Audio HDMI] : Mendaya dan menyahdaya output audio HDMI bagi TV.Bagi tetapan berkaitan HDMI, TV mesti disambungkan melalui HDMI.
4. Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Ubah tetapan video

1. Tekan SETUP.
2. Pilih **[Tetapan Video]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih dan laraskan tetapan berikut:
   - **[Sistem TV]** : Memilih sistem TV yang serasi dengan TV.
   - **[Paparan TV]** : Memilih format paparan gambar yang muat pada skrin TV.
   - **[Tetapan Gambar]** : Memilih tetapan warna yang ditetapkan lebih awal.
   - **[P'sediaan HDMI]** : Memilih resolusi video HDMI dan format paparan skrin lebar bagi TV. Pilihan Paparan Skrin Lebar hanya terdapat bagi tetapan paparan TV skrin lebar 16:9.
   - **[Progresif]** : Mendaya atau menyahdaya mod imbas progresif.
4. Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Catatan

- Tetapan terbaik dipilih secara automatik untuk TV itu. Jika anda hendak menukar tetapan, pastikan bahwa TV menyokong tetapan baru ini.
- Beberapa tetapan video bergantung kepada sumber video, bagi memastikan bahwa cakera dan TV menyokong tetapan atau ciri ini.
- Bagi tetapan berkaitan HDMI, TV mesti disambungkan melalui HDMI.
- Bagi tetapan berkaitan mod imbasan progresif, TV mestilah disambung melalui Video Komponen.

Tukar tetapan keutamaan

1. Tekan SETUP.
2. Pilih **[Tetapan Pilihan]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih dan laraskan tetapan berikut:
   - **[Audio]** : Memilih bahasa audio bagi video.
   - **[Sari Kata]** : Memilih bahasa sari kata untuk video.
   - **[Menu Cakera]** : Memilih bahasa menu bagi cakera video.
   - **[Ibubapa]** : Mengehadkan akses kepada cakera yang dirakam dengan pengkadaran. Untuk memainkan semua cakera tanpa mengira pengkadaran, pilih tahap '8'.
   - **[PBC]** : Memaparkan atau melangkau menu kandungan bagi cakera VCD dan SVCD.
   - **[Paparan MP3/JPEG]** : Memaparkan folder MP3/JPEG atau semua fail.
   - **[Kata Laluan]** : Menetapkan atau menukar kod PIN untuk memainkan cakera yang dihadkan. Masukkan '**0000**' jika anda tidak mempunyai PIN atau jika anda terlupa PIN anda.
   - **[Sarikata DivX]** : Pilih set aksara yang menyokong sarikata DivX.
   - **[Maklumat versi]** : Memaparkan versi perisian bagi teater rumah itu.
   - **[Sedia Ada]** : Menetapkan semula teater rumah kepada tetapan lalai yang diprogramkan di kilang.
4. Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Catatan

- Jika anda memilih bahasa yang tidak tersedia pada cakera, teater rumah akan menggunakan bahasa lalai cakera.
- Anda tidak boleh menetapkan semula kunci cakera, kata laluan (kod PIN) dan tetapan kawalan ibu bapa kepada nilai lalainya.

7 Kemas kinikan perisian

Untuk memeriksa kemas kinian baru, bandingkan versi perisian semasa teater rumah anda dengan versi perisian yang terkini (jika tersedia) di tapak web Philips.

Semak versi perisian

1 Tekan ☰ **SETUP**.
2 Pilih **[Tetapan Pilihan]** > **[Maklumat versi]**, kemudian tekan **OK**.
   ↪ Versi perisian dipaparkan.

Kemas kini perisian daripada CD-R atau USB

1 Semak untuk versi perisian terkini pada www.philips.com/support.
   - Cari model anda dan klik pada 'software&drivers'.
2 Muat turun perisian ke dalam CD-R atau peranti storan USB.
3 Masukkan CD-R atau sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
4 Ikut arahan pada TV untuk mengesahkan kemas kini.
   ↪ Apabila selesai, teater rumah secara automatik akan mati dan hidup semula.
   - Jika tidak, putuskan sambungan kord kuasa selama beberapa saat dan kemudian sambungkan semula.



Awas

- Jangan matikan kuasa atau tanggalkan CD-R atau peranti storan USB semasa kemas kini perisian sedang dijalankan kerana anda mungkin boleh merosakkan teater rumah.

8 Speksifikasi produk



Catatan

- Spesifikasi dan reka bentuk tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Kod rantau

Negara	DVD
Eropah, United Kingdom	ALL 2
Asia Pasifik, Taiwan, Korea	ALL 3
Amerika Latin	ALL 4
Australia, New Zealand	ALL 4
Russia, India	ALL 5
China	ALL 6

Media main balik

DVD-Video, DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R DL, CD-R/CD-RW, CD Audio, CD/SVCD Video, CD Gambar, MP3-CD, WMA-CD, DivX-CD, Peranti storan USB

Format Fail

- Audio: .mp3, .wma
- Video: .avi, .divx, .wmv
- Gambar: .jpg

Amplifier

- Jumlah kuasa output: 400 W RMS
- Respons frekuensi: 20 Hz-20 kHz / ±3dB
- Nisbah isyarat-hingar: > 65 dB (CCIR) / (diberatkan A)
- Kepekaan input:
  - AUX: 2 V
  - MP3 LINK: 1 V

Video
- Sistem isyarat: PAL / NTSC
- Output video komponen: 480i/576i, 480p/576p, 720p, 1080i
- Output HDMI 480p, 576p, 720p, 1080i, 1080p

Audio
- Input audio S/PDIF Digital:
  - Sepaksi: IEC 60958-3
  - Optik: TOSLINK
- Frekuensi pensampelan:
  - MP3: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
  - WMA: 44.1 kHz, 48 kHz
- Kadar bit tetap:
  - MP3: 112 kbps - 320 kbps
  - WMA: 48 kbps - 192 kbps

Radio
- Julat talaan: FM 87.5-108 MHz (50/100 kHz)
- Nisbah isyarat ke bunyi: FM 50 dB
- Respons frekuensi: FM 180 Hz ~ 10 kHz / ±6dB

USB
- Keserasian: USB Kelajuan tinggi (2.0)
- Sokongan kelas: UMS (Kelas Penyimpanan Massa USB)
- Sistem fail: FAT12, FAT16, FAT32
- Sokongan memori maksimum: < 160GB.

Unit Utama
- Bekalan kuasa: 27 Vdc; 2.5 A (Penyesuai kuasa suis luaran)
- Penggunaan kuasa: 35 W
- Penggunaan kuasa siap sedia: < 1 W
- Impedans: Wufer 8 ohm, twiter 8 ohm
- Pemacu pembesar suara: Wufer 3'', twiter 1.5''
- Respons frekuensi: 150 Hz ~ 20 kHz
- Dimensi (LxTxD): 790.6 x 145 x 57.4 (mm)
- Berat: 2.23 kg

Penyesuai kuasa suis (G721DA-270250)
- Input: 100-240 Vac; 50-60 Hz; 1.35 A
- Output: 27 Vdc; 2.5 A

Subwufer
- Bekalan kuasa: 120V/ 230 V; 50, 60 Hz
- Penggunaan kuasa: 45 W
- Penggunaan kuasa siap sedia: < 1 W
- Sistem: Sistem Refleks Bes
- Impedans: 8 ohm
- Pemacu pembesar suara: Wufer 6''
- Respons frekuensi: 35 Hz ~ 200 Hz
- Dimensi (LxTxD): 182 x 365 x 306 (mm)
- Berat: 6 kg

Lekapan Dinding
- Dimensi (LxTxD): 440 x 60 x 23 (mm)
- Berat: 0.54 kg

Spesifikasi laser
- Jenis: Semikonductor laser GaAIAs (CD)
- Panjang gelombang: 645 - 665 nm (DVD), 770 - 800 nm (CD)
- Kuasa output: 6 mW (DVD), 7 mW (VCD/CD)
- Kecapahan alur: 60 darjah.

9 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung produk ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki sistem ini sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan produk ini, periksa perkara yang berikut sebelum anda memohon perkhidmatan. JIka anda masih mempunyai masalah, daftar produk anda dan dapatkan sokongan di www.philips.com/welcome.

Jika anda menghubungi Philips, anda akan diminta untuk memberikan model dan nombor siri produk anda. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang produk anda. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model ___________________________

No. Siri ____________________________

Unit utama

Butang pada teater rumah tidak berfungsi.

- Putuskan sambungan teater rumah daripada alur keluar kuasa selama beberapa minit, kemudian, sambung semula.

Gambar

Tiada gambar.

- Pastikan TV dialihkan ke sumber yang betul bagi teater rumah ini.

Tiada gambar pada sambungan HDMI.

- Periksa sama ada kabel HDMI rosak. Gantikan dengan kabel HDMI yang baru.
- Jika ini terjadi apabila anda menukarkan resolusi video HDMI, tekan **HDMI** berulang kali sehingga gambar muncul.

Bunyi

Tiada bunyi daripada subwufer

1. Dalam mod Siap Sedia, tekan dan tahan ■ (**Henti**) pada unit kawalan jauh sehingga **[PAIRING]** berkelip pada unit utama.
2. Tekan dan tahan **PAIR** pada subwufer sehingga penunjuk biru dan hijau pada subwufer berkelip bergilir-gilir.
3. Jika berjaya membuat sambungan wayarles, **[PAIR OK]** dipaparkan dan penunjuk hijau pada subwufer menyala.

- Jika gagal membuat sambungan wayarles, **[PAIR FAIL]** dipaparkan, dan penunjuk biru dan hijau pada subwufer kekal menyala. Periksa sama ada terdapat sebarang gangguan daripada peranti elektronik yang berdekatan. Alihkan konflik atau gangguan yang kuat, kemudian ulangi tatacara di atas.

Tiada bunyi.

- Pastikan kabel audio bersambung dan pilih sumber input yang betul (contohnya, **AUDIO SOURCE**, **USB**) bagi peranti yang anda hendak mainkan.

Tiada bunyi pada sambungan HDMI.

- Anda mungkin tidak akan dapat mendengar apa-apa bunyi sekiranya peranti yang bersambung tidak akur HDCP (Perlindungan Kandungan Digital Lebar Jalur Tinggi) atau hanya serasi dengan DVI. Gunakan sambungan audio analog atau digital.
- Pastikan bahawa **[Audio HDMI]**telah didayakan.

Tiada bunyi dari program TV.

- Sambung kabel audio daripada input audio pada teater rumah kepada output audio pada TV, kemudian tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber audio yang betul.

Bunyi atau gema terherot.

- Pastikan kelantangan TV dibisukan atau ditetapkan kepada minimum jika anda memainkan audio melalui teater rumah.

Audio dan video tidak segerak.

- 1) Tekan dan tahan **AUDIO SYNC**. 2) Tekan **+/-** dalam masa lima saat.

Main

Cakera tidak boleh dimainkan.

- Bersihkan cakera.
- Pastikan bahawa teater rumah menyokong cakera. (lihat 'Spesifikasi produk' di halaman 17)
- Pastikan bahawa teater rumah menyokong kod wilayah cakera.
- Untuk DVD±RW or DVD±R, pastikan cakera dimuktamadkan.

Bahasa Melayu

Fail video DivX tidak boleh dimainkan.

- Pastikan bahawa fail DivX dikodkan menurut 'Profil Teater Rumah' dengan pengekod DivX.
- Pastikan fail video DivX lengkap.

Sari kata DivX tidak dipaparkan dengan betul.

- Pastikan nama fail sari kata sama dengan nama fail filem.
- Pilih set aksara yang betul: 1) Tekan **SETUP**. 2) Pilih **[Tetapan Pilihan]**. 3) Pilih **[Sarikata DivX]**. 4) Pilih set aksara yang disokong. 5) Tekan **OK**.

Kandungan peranti storan USB tidak dapat dibaca.

- Pastikan bahawa format peranti storan USB serasi dengan teater rumah ini.
- Pastikan bahawa peranti storan USB diformatkan dengan sistem fail yang disokong oleh teater rumah ini (ambil perhatian bahawa NTFS tidak disokong).

Tanda 'Tiada entri' atau 'x' muncul pada TV.

- Operasi tidak boleh dijalankan.

Ciri EasyLink tidak berfungsi.

- Pastikan teater rumah disambungkan kepada TV EasyLink jenama Philips dan bahawa EasyLink dihidupkan.

Saya tidak mahu teater rumah saya dihidupkan apabila menghidupkan TV saya.

- Ini adalah tindakan yang betul bagi Philips EasyLink (HDMI-CEC). Untuk memastikan teater rumah berfungsi secara bebas dan berasingan, matikan EasyLink.

Kandungan video (filem, foto, klip video, dll.) dalam iPod/iPhone tidak dipaparkan pada TV.

- Pengimbasan video dan foto tidak disokong, anda hanya boleh mengimbas kandungan video dan foto pada iPod/iPhone sahaja.

Tidak dapat melihat gambar daripada iPod/iPhone saya pada TV.

- Sambungkan kabel komposit kuning daripada dok kepada TV.
- Tukarkan TV kepada sumber **AV/VIDEO** (yang bersepadanan dengan kabel komposit kuning).
- Tekan **PLAY** pada iPod atau iPhone untuk memulakan tayangan slaid.


10 Index

Language Code

Abkhazian	6566
Afar	6565
Afrikaans	6570
Amharic	6577
Arabic	6582
Armenian	7289
Assamese	6583
Avestan	6569
Aymara	6589
Azerhaijani	6590
Bahasa Melayu	7783
Bashkir	6665
Belarusian	6669
Bengali	6678
Bihari	6672
Bislama	6673
Bokmål, Norwegian	7866
Bosanski	6683
Brezhoneg	6682
Bulgarian	6671
Burmese	7789
Castellano, Español	6983
Catalán	6765
Chamorro	6772
Chechen	6769
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889
中文	9072
Chuang; Zhuang	9065
Church Slavic; Slavonic	6785
Chuvash	6786
Corsican	6779
Česky	6783
Dansk	6865
Deutsch	6869
Dzongkha	6890
English	6978
Esperanto	6979
Estonian	6984
Euskara	6985
Ελληνικά	6976
Faroese	7079
Français	7082
Frysk	7089
Fijian	7074
Gaelic; Scottish Gaelic	7168
Gallegan	7176
Georgian	7565
Gikuyu; Kikuyu	7573
Guarani	7178
Gujarati	7185
Hausa	7265
Herero	7290
Hindi	7273
Hiri Motu	7279
Hrwatski	6779
Ido	7379
Interlingua (International)	7365
Interlingue	7365
Inuktitut	7385

Inupiaq	7375
Irish	7165
Íslenska	7383
Italiano	7384
Ivrit	7269
Japanese	7465
Javanese	7486
Kalaallisut	7576
Kannada	7578
Kashmiri	7583
Kazakh	7575
Kernewek	7587
Khmer	7577
Kinyarwanda	8287
Kirghiz	7589
Komi	7586
Korean	7579
Kuanyama; Kwanyama	7574
Kurdish	7585
Lao	7679
Latina	7665
Latvian	7686
Letzeburgesch;	7666
Limburgan; Limburger	7673
Lingala	7678
Lithuanian	7684
Luxembourgish;	7666
Macedonian	7775
Malagasy	7771
Magyar	7285
Malayalam	7776
Maltese	7784
Manx	7186
Maori	7773
Marathi	7782
Marshallese	7772
Moldavian	7779
Mongolian	7778
Nauru	7865
Navaho; Navajo	7886
Ndebele, North	7868
Ndebele, South	7882
Ndonga	7871
Nederlands	7876
Nepali	7869
Norsk	7879
Northern Sami	8369
North Ndebele	7868
Norwegian Nynorsk;	7878
Occitan; Provencal	7967
Old Bulgarian; Old Slavonic	6785
Oriya	7982
Oromo	7977
Ossetian; Ossetic	7983
Pali	8073
Panjabi	8065
Persian	7065
Polski	8076
Português	8084

Pushto	8083
Russian	8285
Quechua	8185
Raeto-Romance	8277
Romanian	8279
Rundi	8278
Samoan	8377
Sango	8371
Sanskrit	8365
Sardinian	8367
Serbian	8382
Shona	8378
Shqip	8381
Sindhi	8368
Sinhalese	8373
Slovensky	8373
Slovenian	8376
Somali	8379
Sotho; Southern	8384
South Ndebele	7882
Sundanese	8385
Suomi	7073
Swahili	8387
Swati	8383
Svenska	8386
Tagalog	8476
Tahitian	8489
Tajik	8471
Tamil	8465
Tatar	8484
Telugu	8469
Thai	8472
Tibetan	6679
Tigrinya	8473
Tonga (Tonga Islands)	8479
Tsonga	8483
Tswana	8478
Türkçe	8482
Turkmen	8475
Twi	8487
Uighur	8571
Ukrainian	8575
Urdu	8582
Uzbek	8590
Vietnamese	8673
Volapuk	8679
Walloon	8765
Welsh	6789
Wolof	8779
Xhosa	8872
Yiddish	8973
Yoruba	8979
Zulu	9085



sgptt_1039/98_v3